



AUTENTIKASI HADIS-HADIS KITAB JINAYAH DAN HUDUD DARIPADA KITAB BULUGHUL MARAM KARYA AL-HAFIZ IBN HAJAR AL-ASQALANI

(A Study on the Authentication of Hadis from Kitāb al-Jināyah and al-Hudūd from the Book Bulūgh al-Marām by Ibn Hajar al-‘Asqalānī)

Mohd Muhiden Abd Rahman¹, Shukriah Binti Che Kassim², Thuraya Mohd Said @ Hashim³

^{1,2,3} Akademi Pengajian Islam Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok Kelantan

Abstract

The falsification of hadith has tremendously spreaded among society. The dissemination of fabricated hadith has been normalised not only among the public but also the Islamic and religious scholars. This is not a new phenomenon but has been evolved since the hadith were not only being used via speech but also has been developed through writing such as books and so on. The spread of hadith via writing does not limit to only written materials from the current Islamic and religious scholars but can also be found from the Siamese scholars as well. This article is to find out the authentication of hadith 'Kitab al-Jinayah and al-Hudud' from the book of 'Bulughul Maram min Adillat al-Ahkam' karya al-Hafiz ibn Hajar (m.852H). Even though al-Hafiz Ibn Hajar has mentioned the sources of the hadith, yet there were still some hadith left unmentioned. He has also divided the hadith into thematic point of view. Unfortunately, there were few hadith that has not been categorised under their suitable themes. All of the hadith will be analysed from the aspect of authentication and tanasub and also the suitability in terms of nikah. Therefore, to identify the status of the hadith and the authentication of the hadith from the real sources, a specific method will be used which is takhrij of hadith based on the theme of the hadith. A descriptive method will be used to analyse the hadith in the tanasub point of view and the suitability of the hadith towards certain themes. Thus, the result of the research shown that 87% of the hadith found in Kitab al-Jinayah and Kitab al-Hudud were authenticated and were based on the authorized and muktabar book of hadith. In addition, 100 % of the hadith chosen were relevant and suitable with the theme of Jinayah and Hudud.

Kata Kunci: Authentic, takhrij, analysis, authority, tanasub

Article Progress

Received: 23 June 2022
Revised: 24 August 2022
Accepted: 1 September 2022

*Corresponding Author:
Mohd Muhiden Abd Rahman.
Akademi Pengajian Islam
Pusat Pendidikan Universiti
Malaya, Bachok Kelantan
Email:
muhiden@um.edu.my

PENDAHULUAN

Hadis sebagaimana disepakati ulama adalah sumber kedua selepas al-Quran, namun dari segi autoriti dan autentikasi Hadis tidak sama dengan al-Quran. Al-Quran tidak boleh dipertikai autoriti dan autentikasinya kerana kesemua ayat-ayat al-Quran adalah mutawatir. Sementara hadis kesemuanya dikategorikan sebagai *zanniyat al-Thubut* kecuali hadis mutawatir yang dikategorikan sebagai *qat`iyyat al-Thubut*. Oleh itu lahir pelbagai disiplin ilmu dalam *Mustalah al-Hadis* bertujuan mevarifikasi hadis-hadis berkenaan sehingga ia diklasifikasi kepada hadis sahih, hasan dan daif. Justeru perlu satu usaha bagi mengenal pasti autoriti dan autentikasi hadis-hadis tersebut dengan berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh ulama hadis yang berautoriti. Autentikasi hadis terutama hadis-hadis hukum ini amat perlu untuk dijadikan sebagai teks pengajian hadis dan juga bahan bacaan bukan sahaja kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi, tetapi juga sebagai panduan umum kepada masyarakat Islam. Meskipun kitab-kitab *turath* yang dihasilkan oleh ulama silam terutamanya ulama hadis kebanyakannya mengikut metode penulisan hadis dengan menyatakan sumber ambilan hadis tetapi tidak kesemua hadis dinyatakan statusnya. Salah sebuah hasil karya ulama silam yang dihasilkan oleh ulama hadis ialah *Kitab 'Bulughul Maram Min Adillat al-Ahkam'* hasil karya al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani (m. 852H). Kitab ini merupakan kitab hadis ahkam yang disusun mengikut topik atau tema fiqh. Kitab ini tidak dikategorikan sebagai kitab sumber asal hadis kerana penulisnya tidak meriwayatkan hadis dengan

sanadnya. Meskipun penulisnya berusaha memuatkan hadis-hadis yang sahih dan sesuai dengan tema yang ditetapkan serta mematuhi metode penulisan hadis, namun terdapat juga beberapa hadis yang tidak dinyatakan statusnya. Oleh itu satu usaha perlu dilakukan bagi menyemak status hadis-hadis yang tidak dinyatakan statusnya agar dapat memberi keyakinan kepada pembaca tentang autentikasi hadis-hadis tersebut. Kajian ini bertujuan melihat autentikasi hadis-hadis *Kitab al-Jinayah* dan *al-Hudud* dari *Kitab Bulughul Maram*. Selain itu *tanasub* atau kesesuaian hadis yang dipilih dengan tema juga akan dilihat agar dapat memberi kefahaman sebenar kepada dimensi hadis.

Autentikasi Hadis

Menurut Kamus Dewan perkataan `autentik` bermaksud `sesuatu yang dipercayai, dapat dijadikan pegangan, asli, benar dan bukan rekaan dan palsu. Autentikasi pula merupakan proses atau tindakan membuktikan sesuatu sebagai benar, asli dan sah serta boleh dipercayai. Sementara autentikasi hadis bermaksud menyemak teks dan status hadis dari sebarang unsur penyelewengan serta memeriksa statusnya sama ada *maqbul* atau *mardud*, sahih, hasan, daif atau *mawdu`*.

Meskipun al-Quran dan al-Hadis adalah sumber utama kepada syariat Islam. Namun antara keduanya ada persamaan dan perbezaan. Persamaannya adalah kedua-dua bersumberkan wahyu Allah SWT, sementara perbezaannya ialah al-Quran adalah sumber pertama dan hadis sumber kedua. Selain itu al-Quran dijamin oleh Allah SWT akan kesucian dan ketulenannya sedangkan hadis tiada jaminan daripada Allah SWT. Sebaliknya diserah tugas memelihara kesucian dan ketulenan hadis kepada para ulama`. Justeru tidak kesemua hadis adalah sahih atau autentik sebagaimana ayat al-Quran yang kesemuanya adalah autentik kerana kemutawatirannya. Oleh itu setiap hadis perlu pembuktian apakah ia benar-benar daripada Rasulullah SAW atau tidak. Pelbagai riwayat dan versi hadis yang terdapat dalam kitab-kitab hadis sama ada kitab-kitab klasik mahupun moden. Semua itu perlu kepada *tauthiq* atau autentikasi bagi mengenal pasti kesahihannya kecuali hadis-hadis yang diriwayatkan oleh penulis yang menetapkan hanya hadis-hadis sahih sahaja seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Oleh itu proses verifikasi sesebuah hadis adalah suatu keperluan dan kemestian.

Proses meverifikasi dan mengautentikasi hadis merupakan satu praktis yang telah berlaku sejak dari zaman sahabat Nabi SAW lagi. Mereka bersikap ragu-ragu untuk menerima sesebuah hadis sebelum melakukan pengesahan dan penyiasatan lanjut mengenainya. Saidina Abu Bakar ra contohnya, menolak untuk menerima mana-mana hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja melainkan setelah disahkan hadis tersebut oleh sahabat lainnya. Sejarah menunjukkan bahawa proses penerimaan hadis yang ketat dan pengesahan ini telah dipraktikkan juga oleh sahabat-sahabat lain seperti Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali b. Abi Talib ra dan lain-lain lagi. Selain menggunakan metode penerimaan hadis yang ketat, mereka juga mengimplementasikan beberapa kaedah verifikasi hadis seperti membanding hadis-hadis yang diriwayatkan dengan ayat al-Qur'an, melakukan pemeriksaan silang dengan makna hadis lainnya, menuntut persaksian bersumpah dari perawi hadis, menguji perawi dengan riwayatnya itu, menyoal siasat perawi berkenaan riwayatnya, melakukan *rihlah* atau pengembaraan bertujuan pengesanan dan pengesahan hadis, mengesahkan satu riwayat hadis dengan riwayat perawi lainnya dan sebagainya. Semua ini dilakukan atas dasar kefahaman mereka yang mendalam terhadap kedudukan Sunnah sebagai sumber kedua dalam agama yang tidak boleh dikompromi dengan sebarang kesilapan periwayatan, apatah lagi melibatkan status hadis yang lemah dan palsu.

Justeru pada kurun berikutnya, iaitu sekitar kurun keempat Hijrah, proses autentikasi hadis menjadi semakin penting disebabkan penyebaran hadis-hadis palsu kesan dari pergolakan politik yang berlaku yang berpunca dari fitnah yang berlaku. Memelihara autentikasi hadis dari pemalsuan merupakan matlamat utama pada waktu itu. Sarjana Islam mula menghasilkan beratus-ratus karya yang menyumbang ke arah memelihara kesucian dan ketulenan hadis. Mereka juga mencipta dan mengembangkan disiplin ilmu yang khusus dalam ilmu hadis bertujuan meverifikasi kedabitan perawi seterusnya mengenal pasti autentikasi hadis seperti ilmu *al-Jarh wa Ta'dil* dan *Tarikh al-Ruwat* dan sebagainya. Mengautentikasi teks Hadis dari penyelewengan dan pemalsuan dilakukan dengan membandingkan antara naskah-naskah hadis dan kenyataan para ulama hadis sebagaimana dicadangkan Abdullah bin al-Mubarak. Sedangkan bagi meverifikasi status sesebuah hadis, kaedah *takhrij* mestilah

digunakan bagi membedah siasat sifat perawi yang meriwayatkan hadis serta untuk mengetahui kewujudan *syawahid* atau *mutaba'at* yang menyokong hadis. Selain itu, keabsahan matan hadis juga hendaklah dibandingkan dengan ayat al-Qur'an sebagaimana dilakukan Umar al-Khattab ketika menolak hadis Fatimah binti Qais RA dalam permasalahan nafkah wanita yang diceraikan. Sarjana hadis seperti al-Mu'allimi, Abu Hatim al-Razi dan al-Khatib al-Baghdadi berpendapat logik yang sihat juga boleh digunakan bagi mengautentikasi hadis. Namun, pendekatan rasional atau logik memainkan peranan yang agak terhad dalam menerima atau menolak sesebuah hadis, malah dalam kebanyakan kes ia merupakan pendekatan yang tidak relevan sama sekali. Kesimpulannya, proses autentikasi hadis adalah suatu proses yang penting bagi menyemak sesebuah hadis sebelum ia diamalkan atau dijadikan hujah. Setiap Muslim perlu meverifikasi hadis yang diterima sebelum dijadikan hujah atau dipraktikkan.

Takhrij Hadis

Oleh kerana proses meverifikasi status sesebuah hadis tidak akan lengkap tanpa menggunakan kaedah *takhrij*, maka penjelasan ringkas perlu tentang ilmu *takhrij* hadis. Ini kerana ilmu *takhrij* mempunyai signifikan yang tersendiri kerana ia merupakan instrument terpenting dalam proses semakan sumber ambilan dan penilaian status sesebuah hadis. Secara etimologi perkataan *takhrij* berasal dari kalimah *خرج* yang bererti keluar atau memperlihatkan dan menzahirkan. Secara terminologinya, para sarjana hadis berbeza pendapat tentang maksud *takhrij*. Mengikut Ibn al-Solah, *takhrij* adalah sama dengan *tasnif* yang bermaksud mengeluarkan atau meriwayatkan hadis-hadis mengikut topik-topik tertentu seperti topik fiqh dan sebagainya. Dengan kata lain *takhrij* bermaksud mengeluarkan hadis berdasarkan tematik. Manakala al-Sakhawi mengatakan *takhrij* merujuk kepada praktikal ahli hadis bagi mengenal pasti hadis sama ada dari karya-karya hadis atau lain-lain, memberi komentar dan menjelaskan siapakah lagi yang meriwayatkan hadis tersebut dari karya. Sementara al-Munawi berpendapat *takhrij* bermaksud proses menunjukkan sesuatu hadis kepada karya yang ditulis tokoh hadis setelah dilakukan pemeriksaan yang teliti terhadap keadaan hadis dan perawinya. Beliau menjelaskan bahawa “pemeriksaan yang teliti” menunjukkan suatu proses yang lebih kepada menisbahkan (*عزو*) hadis semata-mata. Mahmud al-Tahhan menambah definisi al-Munawi dengan “menjelaskan statusnya ketika diperlukan.” Dewasa ini, berlaku salah faham di kalangan penuntut ilmu hadis yang meletakkan *takhrij* dan menisbahkan (*عزو*) dengan maksud yang sama. Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa *takhrij* merupakan proses yang jauh lebih teknikal berbanding sekadar menisbahkan hadis kepada sumbernya yang asal. Maka difahami *takhrij* adalah proses menyingkap dan menjelaskan sesuatu, iaitu menyatakan sumber asal ambilan hadis, kemudian menjelaskan status hadis tersebut dan pengetahuan tentangnya secara automatik menjadi asas kepada autentikasi dan ketulenan sesebuah hadis juga. Kegagalan memahami dan menguasai ilmu *takhrij* boleh meyebabkan tersebarnya hadis-hadis daif dan palsu atau tidak diketahui asal asalnya. Ilmu yang berbentuk kaedah dan kemahiran ini juga terdedah kepada perkembangan semasa sesuai dengan kemajuan teknologi dan ledakan informasi maklumat yang mengutamakan penggunaan komputer. Justeru seiring dengan meluasnya perkembangan teknologi komputer, maka beberapa program pendigitalan hadis mula diperkenalkan. Beberapa perisian hadis telah dibangunkan bertujuan memudahkan usaha pengesanan dan pengesahan hadis. Program ini memberi sumbangan yang cukup signifikan bagi pengkaji hadis sehingga ia menjadi salah satu kaedah dan metode yang digunakan bagi mentakhrij sesebuah hadis. Malah pembangunan laman sesawang dan perisian hadis telah menjadi semakin penting dalam perkembangan pengajian hadis dan proses penyemakan. Hal demikian kerana medium Internet menjadi tempat rujukan yang lebih cepat dan pantas, serta mampu menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadis.

2. METODOLOGI

Kajian ini akan memfokuskan kepada dua aspek. Pertama tentang autentikasi hadis-hadis dan kedua tentang *tanasub* atau kesesuaian hadis-hadis dalam Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud*. Memang kesemua hadis-hadis dalam Kitab *Bulughul Maram* dinyatakan sumber ambilan hadis, namun ia tidak dinyatakan secara terperinci sebagaimana kaedah *takhrij* hadis. Apatah lagi tidak kesemua hadis dinyatakan status atau hukumnya. Justeru bagi mengenal pasti autentikasi hadis-hadis Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud* pengkaji akan mentakhrij semua hadis berkenaan dengan menggunakan dua kaedah *takhrij*. Oleh kerana subjek kajian merupakan hadis-hadis dalam “Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud*”, maka metode *takhrij* yang akan digunakan ialah *takhrij* melalui tema hadis dan pangkal hadis. Bagi melancarkan lagi

proses *takhrij* ini, pengkaji akan menggunakan perisian atau program digital library yang merupakan salah satu kaedah *takhrij* terkini. Melalui konsep digital library perisian *al-Maktabah al-Syamilah* akan dijadikan sebagai instrumen kajian. Ini kerana *al-Maktabah al-Syamilah* merupakan program digital library terbaik dan lengkap. Bahkan, ia juga mempunyai fasiliti pencarian informasi yang sangat mudah, cepat dan berkesan. Setelah sumber asal hadis dikenal pasti, barulah dirujuk dan disemak di dalam kitab asal.

Sementara penjelasan tentang status hadis akan dilakukan terhadap semua hadis dengan berpandukan kepada penilaian yang dilakukan oleh beberapa ulama hadis yang berautoriti kecuali hadis-hadis dalam *al-Sahihain*, iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, maka hadis tersebut secara automatik dihukum sahih. Sekiranya sesebuah hadis itu terdapat di dalam kitab selain dari *al-Sahihain* seperti Sunan al-Arba`ah, Musnad Ahmad, Muwatta` Malik, Mustadrak al-Hakim dan lain-lain, maka akan diambil kira hukum hadis yang dinyatakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar atau pandangan ulama-ulama hadis yang berautoriti dalam bidang hadis seperti Abu Hatim al-Razi, Abu Daud, al-Tirmidhi, al-Hakim, al-Munawi, al-Nawawi, al-Syaukani, al-Suyuti, al-Uqaili, al-Ajluni dan tidak ketinggalan juga ulama semasa, seperti al-Albani, Syu`aib al-Arna`ut dan Abd al-Qadir al-Arna`ut.

Sementara metode yang digunakan bagi menilai tanasub atau kesesuaian hadis dalam tema *al-Jinayah* dan *al-Hudud* ialah metod deskriptif dan komparatif. Di mana hadis-hadis akan dianalisis kandungannya, kemudian akan dibuat perbandingan kedudukan hadis tersebut dalam sumber asalnya. Seterusnya pengkaji akan membuat kesimpulan tentang kesesuaian hadis tersebut dalam tema yang dibincangkan.

Kitab Bulughul Maram

Nama lengkap kitab ialah Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam hasil karya al-Hafiz Syihabuddin Abu al-Fadl Ibn Hajar al-Asqalani yang dilahirkan pada 22 Sya'ban 773 H di Kaheerah, Mesir. Kitab ini di antara kitab Hadis Ahkam yang paling masyhur bukan sahaja di kalangan para penuntut ilmu, malah di kalangan para ulama. Ia mempunyai beberapa keistimewaan sehingga ia menjadi tumpuan dan rujukan kebanyakan umat Islam seluruh dunia. Antara keistimewaannya adalah isi kandungannya yang menyeluruh dan mencakupi hampir seluruh persoalan agama. Manakala hadis-hadisnya pula kebanyakannya adalah hadis yang paling sahih selain dari hadis-hadis sahih. Hadis-hadis tersebut dikumpulkan daripada beberapa buah kitab hadis yang muktabar terutama Kutub Sittah dan lain-lain. Di samping itu metode penulisan dan penyusunan kitab yang diguna pakai oleh al-Hafiz Ibn Hajar juga amat menarik kerana mengikut metode penulisan hadis. Kelebihan dan keistimewaan ini diakui dan diterima oleh semua ulama` tanpa mengira aliran mazhab sehingga kitab beliau ini digelar sebagai Qamus al-Sunnah. Hasilnya lahirlah berpuluh-puluh syarah kepada kitab ini yang dihasilkan oleh ulama dahulu dan juga ulama semasa. Antara yang paling masyhur adalah Subul al-Salam karya Muhammad bin Ismail al-San`ani. Ia merupakan kitab hadis tematik yang memuat hadis-hadis pilihan yang dijadikan sumber pengambilan hukum fiqh. Kitab ini menjadi rujukan utama pencinta al-Sunnah khususnya bagi Mazhab al-Syafi'i.

Metode yang digunakan oleh Ibn Hajar dalam menyusun kitab ini ialah metode tematik (*maudu'i*), iaitu berdasarkan *abwab al-Fiqh* atau tema-tema fiqh, bermula dari Kitab Bersuci (Taharah) dan berakhir dengan Kitab al-Jami` (Kitab Kompilasi). Kitab *al-Jinayah* merupakan Kitab yang ke 9 dan Kitab *al-Hudud* merupakan Kitab yang ke 10 daripada 16 'Kitab'. Kemudian al-Hafiz Ibn Hajar membahagikan Kitab *al-Jinayah* ini kepada 5 bab dan membahagikan Kitab *al-Hudud* kepada 5 bab. Setiap bab dimuatkan beberapa hadis mengikut kesesuaian dan jumlah keseluruhan hadis dalam Kitab *al-Jinayah* ialah 44 hadis dan Kitab *al-Hudud* 50 hadis termasuk 2 hadis yang berulang.

3. HASIL KAJIAN

Berikut adalah jadual bilangan hadis, bab, sumber, status dan perawi hadis:

KITAB JINAYAH

Bil	Pangkal hadis	Bab	Sumber	Status	Perawi
1	لَا يَجِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	<i>al-Jinayah</i>	B/M	Sahih	Ibn Mas`ud ra
2	لَا يَجِلُّ قَتْلُ مُسْلِمٍ إِلَّا فِي إِخْدَى ثَلَاثِ خِصَالٍ	"	AD/N/AH	Sahih	A`isyah ra
3	أَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي الدِّمَاءِ	"	B/M	Sahih	Ibn Mas`ud ra
4	مَنْ قَتَلَ عَبْدَهُ قَتَلْنَاهُ وَمَنْ جَدَعَ عَبْدَهُ جَدَعْنَاهُ	"	AH/AD/T	Daif	Samurah ra
5	لَا يُعَادُ الْوَالِدُ بِالْوَلَدِ	"	AH/T/IM	Sahih	Umar ra
6	هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ مِنَ الْوَجْهِ غَيْرَ الْقُرْآنِ؟	"	B	Sahih	Abu Juhaifah ra
7	الْمُؤْمِنُونَ تَنَكَّافًا دِمَاؤُهُمْ وَيَسْعَى بِدِمَتِهِمْ أَدْنَاهُمْ وَهُمْ يَدُّ	"	AH/AD/T/N/HK	Sahih	Abu Juhaifah ra
8	أَنَّ جَارِيَّةً وَجَدَ رَأْسَهَا قَدْ رُضَّ بَيْنَ حَجْرَيْنِ	"	B/M	Sahih	Anas bin Malik ra
9	أَنَّ غُلَامًا لِأَنْاسٍ فُقِرَاءَ قَطَعَ أُذُنَ غُلَامٍ لِأَنْاسٍ أُغْنِيَاءَ	"	AH/AD/N	Sahih	Imran Bin Hussain ra
10	أَنَّ رَجُلًا طَعَنَ رَجُلًا بِعَرْنِ فِي رُكْبَتِهِ	"	AH/DQ	Hasan	Abdullah bin Amru ra
11	إِفْتَتَلَتِ امْرَأَتَانِ مِنْ هُدَيْلٍ، فَرَمَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
12	سَأَلَ مَنْ شَهِدَ قِضَاءَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي الْجَنِينِ	"	AD/N	Sahih	Ibn Abbas ra

13	أَنَّ الرَّبِيعَ بِنْتَ النَّضْرِ - عَمَّتُهُ - كَسْرَتْ ثَبِيَّةَ جَارِيَةَ	"	B/M	Sahih	Anas bin Malik ra
14	مَنْ قُتِلَ فِي عِمِّيًّا أَوْ رَمِيًّا بِحَجْرٍ أَوْ سَوْطٍ أَوْ عَصَا	"	AD/N/IM	Sahih	Ibn Abbas ra
15	إِذَا أَمْسَكَ الرَّجُلُ الرَّجُلَ وَقَتْلَهُ الْآخَرَ يُقْتَلُ	"	DQ	Hasan	Ibn Umar ra
16	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَتَلَ مُسْلِمًا بِمُعَاهِدِهِ. وَقَالَ: أَنَا أَوْلَى مَنْ وَفَى بِدِمَّتِيهِ	"	ABR/DQ	Daif	Abd al-Rahman al-Bailamani ra
17	قُتِلَ غُلَامٌ غَيْبَةً، فَقَالَ عُمَرُ: لَوْ اشْتَرَكُ فِيهِ أَهْلُ صَنْعَاءَ	"	B	Sahih	Ibn Umar ra
18	مَنْ قُتِلَ لَهُ قَبِيلٌ بَعْدَ مَقَاتِلِي هَذِهِ، فَأَهْلُهُ بَيْنَ خَيْرَتَيْنِ	"	AD/N	Sahih	Abu Syuraih al-Khuza'i ra
19	أَنَّ مَنْ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَتْلًا عَنْ بَيْتِهِ فَإِنَّهُ قَوْدٌ	al-Diyat	AD/N/IKZ/AH/IBH /IBJ	Daif	Amru bin Hazm ra
20	دِيَةٌ الْخَطَا أَمْسَا: عِشْرُونَ حِقَّةً وَعِشْرُونَ جَذَعَةً	"	DQ	Daif	Ibn Mas`ud ra
21	الَّذِي تُلَاثُونَ حِقَّةً وَثَلَاثُونَ جَذَعَةً وَأَرْبَعُونَ خَلْفَةً	"	AD/T	Sahih	Abdullah bin Amru ra
22	إِنَّ أَعْيَى النَّاسِ عَلَى اللَّهِ ثَلَاثَةٌ: مَنْ قَتَلَ فِي حَرَمِ اللَّهِ أَوْ قَتَلَ غَيْرَ قَاتِلِهِ	"	IBH	Sahih	Ibn Umar ra
23	أَلَا إِنَّ دِيَةَ الْخَطَا شِبْهُ الْعَمْدِ - مَا كَانَ بِالسُّوْطِ وَالْعَصَا	"	AD/N/IM/IHB	Sahih	Abdulah bin Amru ra
24	هَذِهِ وَهَذِهِ سَوَاءٌ - يَعْنِي: الْخُنْضَرُ وَالْإِنْجَامُ	"	B	Sahih	Ibn Abbas ra
25	مَنْ تَطَبَّبَ فَأَصَابَ نَفْسًا فَمَا دُونَهَا	"	DQ/AD/N/HK	Sahih	Amru al-Aas ra
26	فِي الْمَوَاضِحِ حَمْسٌ، حَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ	"	AH/AD/T/N/IM	Sahih	Amru bin al-Aas ra
27	عَقْلُ أَهْلِ الذِّمَّةِ نَصْفُ عَقْلِ الْمُسْلِمِينَ	"	AH/AD/T/N/IM	Sahih	Amru bin al-Aas ra

28	عَمَلُ شِبْهِ الْعَمْدِ مُعْلَظٌ مِثْلُ عَمَلِ الْعَمْدِ وَلَا يَمْتَلِكُ صَاحِبُهُ، وَ	"	DQ	Daif	Amru bin al-Aas ra
29	قَتَلَ رَجُلًا رَجُلًا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ فَجَعَلَ النَّبِيُّ ﷺ دِينَهُ	"	AD/T/N/IM	Daif	Ibn Abbas ra
30	أَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ وَمَعِيَ ابْنِي، فَقَالَ: مَنْ هَذَا؟	"	AD/N/IKZ/IBJ	Sahih	Abu Ramthah ra
31	أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ سَهْلٍ وَمُحْيِصَةَ بْنَ مَسْعُودٍ خَرَجَا إِلَى حَيْبَرَ مِنْ جَهْدِ أَصَابِحِهِمْ،	Da`wa al-Dam wa al- Qasamah	B/M	Sahih	Sahl bin Abi Kathmah ra
32	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَقْرَأَ الْقَسَامَةَ عَلَى مَا كَانَتْ عَلَيْهِ فِي الْجَاهِلِيَّةِ	"	M	Sahih	Rajulun Min al- Ansar
33	مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ، فَلَيْسَ مِنَّا	Qital Ahli al- Baghyi	B/M	Sahih	Ibn Umar ra
34	مَنْ خَرَجَ عَنِ الطَّاعَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ وَمَاتَ، فَمِيتُهُ مِيتَةٌ	"	M	Sahih	Abu Hurairah ra
35	تَقْتُلُ عَمَارًا الْفَقْعَةَ الْبَاغِيَّةَ	"	M	Sahih	Ummu Salamah ra
36	هَلْ تَدْرِي يَا ابْنَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ، كَيْفَ حَكَّمَ اللَّهُ فِي مَنْ بَعَى مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ	"	BZR/HK	Daif	Ali Abi Talib ra
37	مَنْ أَتَاكُمْ وَأَمْرُكُمْ جَمِيعٌ، يُرِيدُ أَنْ يُفْرِقَ جَمَاعَتَكُمْ، فَاقْتُلُوهُ	"	M	Sahih	Arfajah in Syurairah ra
38	مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ	Qital al-Jani Wa Qatl al- Murtad	AD/T/N	Sahih	Abdullah bin Amru ra
39	قَاتَلَ يَعْلى بْنُ أُمَيَّةَ رَجُلًا، فَعَضَّ أَحَدَهُمَا صَاحِبَهُ، فَنَزَعَ نَبِيَّتَهُ،	"	B/M	Sahih	Imran bin Hussain ra
40	لَوْ أَنَّ إِمْرَأًا اطَّلَعَ عَلَيْكَ بِغَيْرِ إِذْنٍ، فَحَدَّثْتَهُ بِحَصَاةٍ، فَفَقَأَتْ عَيْنَهُ،	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
41	قَضَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنَّ حِفْظَ الْحَوَائِطِ بِالنَّهَارِ عَلَى أَهْلِهَا،	"	AH/AD/N/IM/IBH	Sahih	al-Bara` bin Azib ra

42	لَا أُجْلِسُ حَتَّى يَفْتُلَ، فَضَاءُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَأَمَرَ بِهِ، فُقْتِلَ	"	B/M	Sahih	Muaz bin Jabal ra
43	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ	"	B	Sahih	Ibn Abbas ra
44	أَنَّ أَعْمَى كَانَتْ لَهُ أُمٌّ وَلَدٍ نَشْتُمُ النَّبِيَّ ﷺ وَتَقَعُ فِيهِ، فَيَذْهَبُهَا، فَلَا	"	AD	Sahih	Ibn Abbas ra

KITAB HUDUD

Bil	Pangkal hadis	Bab	Sumber	Status	Perawi
1	يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ إِلَّا قَضَيْتَ لِي بِكِتَابِ اللَّهِ.	Bab Hadd al- Zani	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
2	خُذُوا عَنِّي، خُذُوا عَنِّي، فَقَدْ جَعَلَ اللَّهُ هَؤُلَاءِ سَبِيلًا	"	M	Sahih	Ubadah bin al- Samit ra
3	يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي زَنْبِيْتُ، فَأَعْرِضْ عَنْهُ، فَتَنَحَّى تَلْقَاءَ	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
4	لَمَّا أَتَى مَاعِزُ بْنُ مَالِكٍ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ قَالَ لَهُ: لَعَلَّكَ قَبِلْتَ أَوْ غَمَرْتَ	"	B	Sahih	Ibn Abbas ra
5	إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ، وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ، فَكَانَ فِيهَا	"	B/M	Sahih	Umar al-Khattab ra
6	إِذَا زَنْتَ أُمَّهُ أَحَدِكُمْ، فَتَبَيَّنَ زِنَاهَا، فَلْيَجْلِدْهَا الْحَدَّ، وَلَا يُتْرَبْ	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
7	أَقِيمُوا الْحُدُودَ عَلَى مَا مَلَكَتْ	"	AD	Hasan	Ali Abi Talib ra

8	يَا نَبِيَّ اللَّهِ! أَصَبْتُ خَدًّا، فَأَقِمَّهُ عَلَيَّ، فَدَعَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَلِيَهَا.	"	M	Sahih	Imran bin Hussain ra
9	رَجِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ رَجُلًا مَنِ اسْتَلَمَ وَرَجُلًا مِنَ الْيَهُودِ وَأَمْرَأَةً	"	M	Sahih	Jabir bin Abdullah ra
10	كَانَ بَيْنَ آيَاتِنَا رُوَيْجِلٌ ضَعِيفٌ، فَخَبِثَتْ بِأَمَةٍ مِنْ إِمَائِهِمْ، فَذَكَرَ	"	AH/N/IM	Hasan	Said bin Sa`d bin Ubadah ra
11	مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلٌ قَدِمَ لُوْطٍ، فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ	"	AH/AD/T/N/IM	Hasan	Ibn Abbas ra
12	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ وَسَلَّمَ ضَرَبَ وَعَرَبَ وَأَنَّ أَبَا بَكْرٍ ضَرَبَ وَعَرَبَ	"	T	Sahih	Ibn Umar ra
13	لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُخَنَّثِينَ مِنْ	"	B	Sahih	Ibn Abbas ra
14	ادْفَعُوا الْخُدُودَ، مَا وَجَدْتُمْ لَهَا	"	IM	Daif	Abu Hurairah ra
15	ادْرَأُوا الْخُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا	"	T/HK	Daif	A`isyah ra
16	ادْرَأُوا الْخُدُودَ بِالشُّبُهَاتِ	"	BQ	Daif	Ali ra
17	اجْتَنِبُوا هَذِهِ الْقَادُورَاتِ الَّتِي هِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا	"	H	Sahih	Ibn Umar ra
18	لَمَّا نَزَلَ عُذْرِي، قَامَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَلَى الْمِنْبَرِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ وَتَلَا	Hadd Qazaf	AH/AD/T/N/IM	Hasan	A`isyah ra
19	أَوَّلَ لِعَانٍ كَانَ فِي الْإِسْلَامِ أَنَّ شَرِيكَ بُنَى سَمْحَاءَ فَذَفَعَهُ هَالِئًا	"	ABY	Sahih	Anas ra

20	لَقَدْ أَدْرَكْتُ أَبَا بَكْرٍ، وَعُمَرَ، وَعُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ، وَمَنْ	"	MM	Sahih	Abdullah bin Amir ra
21	مَنْ قَدَفَ مَمْلُوكَهُ يُقَامُ عَلَيْهِ الْحُدُّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ كَمَا قَالَ	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
22	لَا تُقَطَّعُ يَدُ سَارِقٍ إِلَّا فِي رُبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا	Hadd Sariqah	B/M	Sahih	A`isyah ra
23	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَطَعَ فِي حِجِّي، ثَلَاثَةَ دَرَاهِمٍ	"	B/M	Sahih	Ibn Umar ra
24	لَعَنَ اللَّهُ السَّارِقَ، يَسْرِقُ الْبَيْضَةَ، فَتُقَطَّعُ يَدُهُ، وَيَسْرِقُ الْحَبْلَ	"	B/M	Sahih	Abu Hurairah ra
25	أَتَشْفَعُ فِي حَدِّ مَنْ حُدِّدَ اللَّهُ؟ ثُمَّ قَامَ فَاخْتَطَبَ	"	B/M	Sahih	A`isyah ra
26	لَيْسَ عَلَى خَائِنٍ وَلَا مُنْتَهَبٍ، وَلَا مُخْتَلِسٍ، قَطْعٌ	"	AH/AD/N/IM/IBH	Sahih	Jabir ra
27	لَا قَطْعَ فِي عَمْرٍ وَلَا كَثْرٍ	"	AH/AD/T/N/IM/IBH	Sahih	Rafi` bin Khadij ra
28	أُتِيَ النَّبِيُّ ﷺ بِلِصٍّ قَدْ اعْتَرَفَ اعْتِرَافًا، وَلَمْ يُوجَدْ مَعَهُ مَتَاعٌ،	"	AD/AH/N	Daif	Abu Umayyah al- Makhzumi ra
29	أَذْهَبُوا بِهِ، فَاقْطَعُوهُ، ثُمَّ احْبِسُوهُ	"	HK/BZR	Sahih	Abu Hurairah ra
30	لَا يَغْرُمُ السَّارِقُ إِذَا أُفِيمَ عَلَيْهِ الْحُدُّ	"	N	Daif	Abd al-Rahman bin Auf ra

31	أَنَّهُ سئِلَ عَنِ التَّمْرِ الْمُعْلَقِ؟ فَقَالَ: مَنْ أَصَابَ بِفِيهِ مِنْ ذِي حَاجَةٍ،	"	AD/N/HK	Hasan	Abdullah bin Amru ra
32	هَلَّا كَانَ ذَلِكَ قَبْلَ أَنْ تَأْتِيَنِي بِهِ	"	AH/AD/N/IM/HK/IBJ	Sahih	Safwan bin Umayyah ra
33	أَقْتُلُوهُ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّمَا سَرَقَ. قَالَ: إِفْطَعُوهُ فَفَطَعَ	"	AD/N	Daif	Jabir ra
34	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَنَّى بِرَجُلٍ قَدْ شَرِبَ الخُمْرَ، فَجَلَدَهُ بِجَرِيدَتَيْنِ نَحْوِ أَرْبَعِينَ. قَا	Hadd Syarib al-Khamr	B/M	Sahih	Anas Bin Malik ra
35	جَلَدَ النَّبِيُّ ﷺ أَرْبَعِينَ، وَأَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ وَعُمَرُ ثَمَانِينَ، وَكُلُّ سَنَةٍ	"	M	Sahih	Ali ra
36	إِذَا شَرِبَ فَاجْلِدُوهُ، ثُمَّ إِذَا شَرِبَ فَاجْلِدُوهُ، ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الثَّلَاثَةَ	"	AH/AD/T/N/IM	Hasan	Muawiyah ra
37	إِذَا ضَرَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَّقِ الْوَجْهَ	"	M	Sahih	Abu Hurairah ra
38	لَا تُقَامُ الخُدُودُ فِي الْمَسَاجِدِ	"	T/HK	Hasan	Ibn Abbas ra
39	لَقَدْ أَنْزَلَ اللَّهُ تَحْرِيمَ الخُمْرِ، وَمَا بِالْمَدِينَةِ شَرَابٌ يُشْرَبُ	"	M	Sahih	Anas bin Malik ra
40	نَزَلَ تَحْرِيمُ الخُمْرِ، وَهِيَ مِنْ خَمْسَةِ: مِنْ العِنَبِ وَالتَّمْرِ	"	B/M	Sahih	Umar ra
41	كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ	"	M	Sahih	Ibn Umar ra
42	مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ، فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ	"	AH/AD/T/N/IM	Hasan	Jabir ra

43	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُبْدُ لَهُ الرَّيْبُ فِي السِّقَاءِ، فَيَسْتُرُهُ يَوْمَهُ	"	M	Sahih	Ibn Abbas ra
44	إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ	"	BQ/IBH	Sahih	Ummu Salamah ra
45	سَأَلَ النَّبِيَّ ﷺ عَنِ الْحَمْرِ يَصْنَعُهَا لِلدَّوَاءِ؟ فَقَالَ: إِنَّهَا لَيْسَتْ	"	M/AD	Sahih	Wa`il al-Hadrami ra
46	لَا يُجْلَدُ فَوْقَ عَشْرَةِ أَسْوَاطٍ إِلَّا فِي حَدِّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ	Takzir dan Hukm al-Sa`il	B/M	Sahih	Abu Burdah al- Aslami ra
47	أَقْبِلُوا ذَوِي الْأَهْبَاتِ عَنَّا نَاهِمًا إِلَّا	"	AH/AD/N/BQ	Sahih	A`isyah ra
48	مَا كُنْتُ لِأَقِيمَ عَلَى أَحَدٍ حَدًّا، فَيَمُوتُ، فَأَجِدَ فِي نَفْسِي	"	B	Sahih	Ali ra
49	مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ	"	AD/T/N/IM	Sahih	Said bin Zaid ra
50	تَكُونُ فِتْنًا، فَكُنْ فِيهَا عَبْدَ اللَّهِ الْمَقْتُولَ، وَلَا تَكُنِ الْقَاتِلَ	"	IBK/DQ	Hasan	Abdullah bin Khabbab ra

JADUAL 1: Bilangan Hadis, Bab, Sumber, Status dan Perawi

B: al-Bukhari, M: Muslim, AD: Abu Daud, T: al-Tirmidhi, N: Nasa`I, IM: Ibn Majah, AH: Ahmad, MM: Muwatta` Malik, HK: al-Hakim, BQ: al-Baihaqi, IBH: Ibn Hibban, IKZ: Ibn Khuzaimah, DQ: al-Daraqutni, BZR: al-Bazzar, IBK: Ibn Abi Khaithamah, ABR: Abdul Razzaq, IBJ: Ibn al-Jarud.

Sumber: Hasil Analisis daripada Kitab Jinayah dan Hudud daripada Kitab Bulughul Maram

Bilangan Hadis Mengikut Kitab/Bab

Bil	Tajuk	Bilangan Hadis
	Kitab <i>al-Jinayah</i>	
1	Bab <i>al-Jinayah</i>	18
2	Bab <i>al-Diyat</i>	12

3	Bab Da`wa al-Damm wa al-Qasamah	2
4	Bab Qital Ahli al-Baghyi	5
5	Qital al-Jani Wa Qatl al-Murtad	7
	Jumlah	44

	Kitab <i>al-Hudud</i>	
1	Bab Hadd al-Zani	17
2	Bab Hadd Qazaf	4
3	Bab Hadd Sariqah	12
4	Bab Syarib al-Khamr	12
5	Bab Takzir dan Hukm al-Sa`il	5
	Jumlah	50

JADUAL 2: Bilangan Hadis Mengikut Kitab/Bab

Bilangan Hadis Mengikut Kategori Penutur

Kitab Jinayah

Kategori Hadis	Bilangan	Peratus
Mafru`	41	93
Mawquf	3	7
Jumlah	44	100%

Kitab Hudud

Kategori Hadis	Bilangan	Peratus
Mafru`	45	90
Mawquf	5	10

Jumlah	50	100%
---------------	-----------	-------------

JADUAL 3: Bilangan Hadis Mengikut Kategori Penutur**Bilangan Hadis Mengikut Status****Kitab Jinayah**

Status Hadis	Bilangan	Peratus
Sahih	35	79
Hasan	2	5
Daif	7	16
Jumlah	44	100%

Bilangan Hadis Mengikut Status**Kitab Hudud**

Status Hadis	Bilangan	Peratus
Sahih	35	70
Hasan	9	18
Daif	6	12
Jumlah	50	100%

JADUAL 4: Bilangan Hadis Mengikut Status**4. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Daripada dapatan kajian dalam aspek penulisan hadis, al-Hafiz Ibn Hajar menggunakan metode periwayatan hadis secara *ta`liq*, iaitu dengan membuang keseluruhan sanad hadis kecuali sahabat atau *tabi`in*. Jika yang disebut hanya sahabat sahaja dinamakan hadis *mu`allaq* dan jika yang disebut hanya *tabi`in* sahaja dinamakan hadis mursal. Kedua-dua jenis hadis ini adalah sebahagian daripada hadis daif disebabkan sanad yang terputus. Namun oleh kerana beliau membuang sanad bertujuan meringkaskan kitabnya selain dari menyebutnya dengan *sighah jazam* atau lafaz yang pasti, maka ia sama sekali tidak menjejaskan kesahihan hadis-hadis tersebut. Apatah lagi beliau menyatakan sumber ambilan setiap hadis secara jelas bagi memudahkan para pembaca merujuk sanad hadis yang lengkap. Metode ini adalah menepati kaedah penulisan hadis dalam kalangan ulama hadis *mutakhirin*. Daripada 94 hadis yang dimuatkan, terdapat sebanyak 17 sumber ambilan hadis yang terdiri dari kitab-kitab hadis yang muktabar dan berautoriti kecuali sebuah kitab, iaitu Kitab al-Tarikh al-Kabir oleh Ibn Abi Khaithamah yang merupakan kitab *tarajum* dan *tabaqat*. Kitab-kitab hadis yang menjadi rujukan al-Hafiz Hajar dalam Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud* ialah Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa`I, Sunan Ibn Majah, Musnad Ahmad, Mustadrak al-Hakim, Muwatta`

Malik, Sunan al-Daraqutni, al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi, Musnad al-Bazzar, Sahih Ibn Hibban, Sahih Ibn Khuzaimah, Musannaf Abd al-Razzaq al-San`ani, al-Muntaqa Ibn al-Jarud.

Berdasarkan dapatan kajian juga didapati sejumlah 44 buah hadis telah dimuatkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam Kitab *al-Jinayah* dan 50 hadis dalam Kitab *al-Hudud* termasuk 1 hadis yang berulang, iaitu hadis 38 dari Kitab *al-Jinayah* dan hadis 49 dari Kitab *al-Hudud*. Ini bermakna tanpa hadis berulang terdapat 93 hadis sahaja yang dimuatkan dalam kedua-dua Kitab tersebut.¹ Daripada 94 hadis, 86 daripadanya atau 91% adalah marfu` dan 8 hadis atau 9 % adalah mawquf. Mengenai status hadis, daripada 94 hadis asas, sebanyak 70 atau 74% adalah hadis sahih, 11 atau 13% adalah hadis hasan dan 13 atau 13 % adalah hadis daif. Tiada hadis mawdu` atau hadis yang tidak dapat dikenalpasti statusnya. Dari data ini sebanyak 87% daripada keseluruhan hadis Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud* adalah hadis maqbul yang merangkumi hadis sahih dan hasan. Sekaligus membuktikan keilmuan dan kepakaran al-Hafiz Ibn Hajar dalam bidang hadis serta ketelitian beliau dalam pemilihan hadis yang mempunyai autentik. Manakala pemilihan hadis mengikut tema Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud*, didapati kesemua hadis yang dipilih atau 100% adalah relevan dan sesuai dengan topik atau sub topik.

5. PENUTUP

Kitab *Bulughul Maram* adalah sebuah kitab *hadith ahkam* yang paling masyhur dan paling lengkap yang meliputi hampir kesemua persoalan agama. Majoriti hadis yang dimuatkan di dalamnya adalah sahih. Sebagai contoh, didapati 87% daripada hadis-hadis Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud* adalah *maqbul* samada sahih atau hasan. Selebihnya 13% samada daif dan tiada hadis *mawdu`* dalam kedua-dua kitab tersebut. Kebanyakan sumber ambilan hadis adalah terdiri daripada kitab-kitab hadis berautori dan muktabar seperti '*Kutub Sittah*'. Manakala 100% hadis-hadis Kitab *al-Jinayah* dan *al-Hudud* yang menjadi pilihan al-Hafiz Ibn Hajar adalah relevan dengan tema atau topik yang dibahaskan. Kesimpulannya Kitab *Bulughul Maram* adalah sebuah kitab yang amat sesuai dijadikan panduan kepada umat Islam dalam kehidupan bersyariat tanpa mengira mazhab kerana bersumberkan hadis-hadis sahih dan sesuai dengan tema yang dibincangkan.

PENGHARGAAN: Artikel ini adalah hasil kajian Geran Khas Penyelidikan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UMG016L-2021).

¹ Maksud hadis berulang di sini ialah berulang dari segi matannya, tetapi sanad atau jalur adalah berbeza. Justeru penilaian akan dilakukan terhadap semua hadis dalam Kitab al-Nikah.

RUJUKAN

- 1) Abdullah Abd al-Rahman al-Bassam (2009). *Taudih al-Ahkam min Bulugh al-Maram*, Terjemahan Thahirin Suparta, M. Faisal dan lain-lain, Jakarta, Pustaka Azzam.
- 2) Abdul Hakim Wahid (2017). *Autentisitas Hadis Nabi: Studi Riwayat Nafi' Mawla Ibn Umar dalam Kitab al-Sahihayn*, Institusi Respository UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- 3) Abu Abdullah Abd al-Salam `Allusy (2008). *Ibanat al-Ahkam Syarh Bulugh al-Maram*. Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.
- 4) Abu Daud al-Sijistani (1997). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- 5) Ahmad bin Hanbal, 1995. *Musnad Ahmad*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- 6) Ali Mustafa Yaqub (2004). *Kritik Hadis*, Jakarta, Pustaka Firdaus.
- 7) Baihaqi, al- (1994). *al-Sunan al-Kubra*, tahqiq Muhammad Abd al-Qadir Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- 8) Bukhari, Muhammad bin Ismail, al- (2007). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- 9) Daraqutni, al- (2011). *Sunan al-Daraqutni*, ed. Majdi Mansur Sayyid al-Syura. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- 10) Hakim, al- (t.t). *al-Mustadrak `ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- 11) Ibn Abi Syaibah, Abu Bakr (1995). *al-Kitab al-Musannaf fi al-Ahadis wa al-Athar*, tahqiq Muhammad Abd al-Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- 12) Ibn Hajar al-`Asqalani (1997). *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, ta`liq Safiyy al-Rahman al-Mubarakfuri. al-Riyadh: Maktabah Dar al-Salam dan Dimasyq: Maktabah Dar al-Faiha'.
- 13) Ibn Majah (2003). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- 14) Ibn al-Solah (1986). *Ulum al-Hadis -Muqaddimah Ibn al-Solah-*, tahqiq Dr Nuruddin `Itr, Dimasyq, Dar al-Fikr.
- 15) Khader Ahmad (2019). Digitalisasi Hadis Di Malaysia Analisis terhadap Keperluan kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadis, dalam *Conference Proceeding ICONIMAD International Conference on Islam in Malay World IX*, Krabi, Thailand.
- 16) Mahmud al-Tahhan (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*, Riyadh, Maktabah al-Ma`arif.
- 17) Malik bin Anas (1993). *Muwatta' Malik*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- 18) Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi (2003). *Takhrij al-Hadis – Nasy`atuhi Wa Manhajyyatuhi*, UIAM, Kuala Lumpur, Dar al-Syakir.
- 19) Muhammad Ajjaj al-Khatib (1980). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Beirut, Labenon, Dar al-Fikr.
- 20) Muhammad Salih al-`Uthaimin (2006). *Fath Dhi al-Jalal wa al-ikram bi Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- 21) Muh. Zuhri (2004). Autentisitasi Dan Otoritas Hadis Dalam Keilmuan Muslim Dan Sarjana Barat, *Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam*, 7(1), Majelis Tarjih dan Tajdid Pimpinan Pusat Muhammadiyah .
- 22) Munawi, al (1971). *Faid al-Qadir Syarh al-Jami` al-Saghir*, Beirut, Dar al-Ma`rifat.
- 23) Muslim (t.t). *Sahih Muslim*, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Beiurt, Dar Ihya` al-Turath al-Arabi.
- 24) Mustafa al-Siba`I (2000). *al-Sunnah Wa Makanatuha Fi al-Tasyri` al-Islami*, Beirut, Labenon, al-Maktab al-Islami.
- 25) Nasa'i, al- (1999). *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- 26) Nuruddin `Itr (1999). *I`lam al-Anam Syarh Bulugh al-Maram*. Damsyik: Maktabah Dar al-Purfur wa Maktabah Dar al-Yamamah.
- 27) Sakhawi, Shams al-Din, al (1426h). *Fath al-Mughith*, Tahqiq Dr Abdul Karim al-Khudair *et al*, Riyadh, Darl al-Minhaj.
- 28) -----, (1999). al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Syaikhul Islam Ibn Hajar, Tahqiq Ibrahim Bajis Abd al-Hamid, Beirut, Dar Ibn Hazm.
- 29) Syaukani, al (1348H), *al-Badr al-Tali` bi Mahasin Man Ba`d al-Qarn al-Sabi`*, Kaherah, Matba`ah al-Sa`adah.

- 30) Sultan Sanad al-Akalyah *et al* (1999). *al-Wadih Fi Fann al-Takhrij Wa Dirasat al-Asanid*, Amman, Jordan. al-Dar al-Alamiyah Li al-Nasyr wa al-Tauzi`.
- 31) Suyuti, Al-,Jalaluddin Abu Bakr (2002). *Al-Jami` al-Saghir fi Ahadis al-Basyir al-Nadhir*: Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- 32) Tirmidhi, al- (2011). *Sunan al-Tirmidhi*, tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- 33) Zulfahmi Alwi (2010), Metodologi *Takhrij al-Hadis*, *Jurnal Tahdis*, 1(1).